

22 APR 1996

ROLLS-ROYCE LIHAT PELUANG BARU DI MALAYSIA

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 22 April (Bernama) -- Rolls-Royce International, pemimpin dunia dalam kejuruteraan bersepadu, sedang mengkaji pelbagai peluang yang terdapat di Malaysia.

Di antaranya termasuklah enjin kapal terbang, janakuasa tenaga dan enjin kegunaan pesawat perang berikutan dengan pesanan Tentera Udara Diraja Malaysia untuk enjin Adour bagi pesawat Hawk dan enjin Viper untuk pesawat Aermacchi.

Pembangunan pelabuhan adalah satu lagi potensi peluang bagi Rolls-Royce Materials Handling Company, demikian menurut kenyataan Rolls-Royce yang dikeluarkan hari ini.

Rolls-Royce International telah menubuhkan pejabat perwakilan di Kuala Lumpur dan juga syarikat perdagangan yang berdaftar dan seorang eksekutif serantau kanan baru telah dilantik baru-baru ini untuk menjadikan kehadirannya di Malaysia lebih bertenaga.

Janakuasa tenaga dan penghantaran elektrik adalah bidang penting di mana Rolls-Royce telah bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu di Malaysia.

Syarikat itu juga bertanggungjawab bagi pengubahan stesen tenaga Jambatan Connaught untuk operasi kitar bergabung dan stesen kecil penghantaran di seluruh negara untuk Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Berkaitan dengan pengeluaran tenaga, Rolls-Royce memberikan tumpuan kepada kebolehan menyiapkan kerja dari peringkat kejuruteraan dan pengurusan projek siap guna sehingga keseluruhan projek siap yang mencakupi pelbagai sistem.

Ia menyatakan Malaysia adalah rakan kongsi utama di Asia Tenggara dan rantau Asia Pasifik telah membabitkan 25 peratus atau AS\$2.5 bilion (RM6.25 bilion) tempahan buku bagi enjin kapal terbang dan penjanaan tenaga dalam bidang perusahaan syarikat itu.

Rolls-Royce akan juga mempamerkan model enjin Trent dan komponen pentingnya dalam dua pameran yang akan diadakan oleh Penerbangan Malaysia.

Yang pertama ialah pelancaraan Akademi Penerbangan Malaysia di Kelana Jaya pada 25 April oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ini akan diikuti pada 7 Mei dengan pembukaan MAS Aerotechnology Sdn Bhd di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam bulan Januari 1996, Penerbangan Malaysia menjadi syarikat yang terbaru memilih enjin Trent 800 Rolls-royce, iaitu enjin yang paling bertenaga di dunia pada masa ini.

Setiap Boeing 777 kepunyaan Sistem Penerbangan Malaysia akan menggunakan dua enjin turbofan Trent 800 dan penghantaran dijadualkan bermula pada bulan April 1997. -- BERNAMA

THG RIF SIA